

5 GLOBAL
Rawatan lengahkan penuaan



10 ORANG MUDA
Reka sendiri barang kemas



TEMA HARI INI:
Kecantikan

BUAH JERING SERLAH WARNA

Penggunaan tumbuhan sebagai pewarna batik beri kelainan **b2**

fesyen.

redaksi

PENGARANG KUMPULAN BH

Datuk Mahfar Ali
mafa@bh.com.my

TIMBALAN PENGARANG

KUMPULAN BH

Datuk Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

PENGARANG BERSEKUTU

MINGGUAN/BH2

Azhar Abu Samah

azharas@bh.com.my

PENGARANG WANITA BH

Jami'ah Sokri

jamia@bh.com.my

PENGARANG HIBURAN BH

Shamshul Azree Samshir

sazree@bh.com.my

PENGARANG BERITA MINGGU BH

Zainuri Misfar

zainuri_misfar@bh.com.my

REKA BENTUK

Unit Grafik BH

PENGKILANAN

TEL: 1 300 22 6787

BERITA HARIAN

TEL: 1 300 22 6787

FAKS: 603 2056 7081

E-mel atau surat ke alamat:

bh@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

[FOTO AZIAH AZMEE / BH]

Fern (dua dari kiri) bersama pengunjung pameran **Batik Exploring Natural Dyes**.

info

Sejarah tekstil

- Daun tarum atau indigofera digunakan untuk menghasilkan warna biru atau indigo
- Warna biru atau indigo yang dihasilkan daripada daun tarum disifatkan sebagai 'raja warna'
- Kebanyakan Samurai Jepun memakai baju biru yang warnanya didapati daripada bahan ini
- Ia sebenarnya bertindak sebagai antiseptik apabila mereka terluka ketika bertarung



Warna semula jadi

Buah jering, daun tarum, buah mengkudu mampu hasilkan rona menarik

Siapa sangka bahan seperti buah jering dan daun mangga yang mudah didapati di sekeliling kita sebenarnya boleh menjadi pewarna untuk batik buatan tangan.

Itu yang cuba diketengahkan aktivis batik, Erna Dyanty Mad Daluis menerusi pameran 'Batik: Exploring Natural Dyes' dengan melakukan eksperimen terhadap beberapa tumbuhan di negara ini bagi mendapatkan pewarna untuk digunakan dalam pembuatan batik.

Projek kajian selama lima tahun itu adalah sebahagian daripada usaha Erna untuk mengembalikan semula amalan penggunaan pewarna semula jadi dalam industri berkenaan.

"Memang banyak pendapat mengatakan sebelum adanya pewarna sintetik yang digunakan secara meluas dalam industri sekarang, pembuatan batik tangan di negara ini menggunakan pewarna yang dihasilkan daripada tumbuh-tumbuhan.

"Melalui kajian ini kami dapati beberapa bahan semula jadi yang ada sebenarnya mampu menghasilkan warna yang bukan saja terang dan

bersesuaian tetapi cukup unik bagi penghasilan batik buatan tangan," katanya kepada Aura.

Hasil warna menarik

Projek yang dijalankan bersama Kuala Lumpur Natural Dye Association (KLND) itu turut mendapat kerjasama daripada dua artis batik iaitu Kamaliah Ismail Zain dan Fern Chua.

Bermula pada 2015, projek terbabit turut mendapat sokongan daripada Japan Foundation Asia Center, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan NPO Earth Network Japan.

Fokus utama dalam kajian ini adalah untuk menghasilkan warna daripada coklat hingga kuning yang biasanya banyak didapati dalam penghasilan batik di Indonesia dan Malaysia.

Erna berkata, hasil kajian mendapati banyak bahan semula jadi yang ada di negara ini mampu menghasilkan warna menarik seperti merah, ungu, oren, kelabu dan hitam.

"Antara bahan yang boleh menghasilkan warna termasuk mengkudu, sappanwood, buah pinang, biji kasumba yang mudah didapati dan



Erna Dyanty menunjukkan batik yang dihasilkan.

ditanam, di negara ini.

"Daun tarum walaupun dikatakan berasal dari Guatemala tetapi mudah tumbuh dan hidup di negara ini bagi menghasilkan warna biru atau indigo," katanya.

Pewarna semula jadi

Ditanya mengenai potensi bahan berkenaan digunakan sebagai sumber warna dalam industri batik, Erna berkata, semua tumbuhan semula jadi terbabit mempunyai masa depan yang baik bagi menggantikan pewarna sintetik yang semakin

banyak digunakan.

"Di Sarawak misalnya memang mereka menggunakan pewarna daripada bahan semula jadi dalam pembuatan pua kumbu dan tenunan tradisional, manakala di Kelantan juga ada sebilangan pembuat batik turut menggunakannya tetapi tidak begitu meluas.

"Kami percaya bahan ini jika diketengahkan mampu menggantikan pewarna sintetik dalam industri tekstil yang sebenarnya menjadi penyumbang terbesar kepada masalah pencemaran," katanya.



Daun tarum walaupun dikatakan berasal dari Guatemala tetapi mudah tumbuh dan hidup di negara ini bagi menghasilkan warna biru atau indigo"

Erna Dyanty Mad Daluis,
Aktivis batik